



TEKS UCAPAN

YB DATO' SERI MAHDZIR BIN KHALID
MENTERI PEMBANGUNAN LUAR
BANDAR

SEMPENA:

MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN
PROGRAM MINI KARNIVAL
USAHAWAN DESA @ PADANG TERAP,
KEDAH

28 OKTOBER 2022 (JUMAAT)

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR
BANDAR

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh

Salam Sejahtera, Salam Luar Bandar
Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia

Terima Kasih Saudara/Saudari
Pengacara Majlis.

SALUTASI

(Akan diberikan pada hari program)

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu marilah kita sama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T, kerana dengan izin dan limpah

kurniaNya jua, dapat kita bersama-sama berada dalam Majlis Perasmian Mini Karnival Usahawan Desa atau Mini KUD@Padang Terap pada petang yang berbahagia dan bersejarah ini.

2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada penganjur iaitu Bahagian Usaha Desa, Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) kerana berjaya menganjurkan program ini di Daerah Padang Terap, Kedah.

3. Ucapan penghargaan juga saya ingin rakamkan kepada bahagian-bahagian di Kementerian, jabatan dan agensi seperti MARA, RISDA, FELCRA, KEDA, KEMAS dan JAKOA serta Pejabat Daerah dan Tanah Padang Terap dan

Majlis Daerah Padang Terap (MDPT) khususnya dalam penyediaan tapak Program Mini KUD @ Padang Terap, Kedah ini.

4. Tidak dilupakan ucapan terima kasih saya tujukan kepada para pengunjung Mini KUD @ Padang Terap tidak kira dari Kawasan Daerah Padang Terap mahupun dari sekitar kawasan di Negeri Kedah ini. Kehadiran tuan-tuan dan puan-puan menunjukkan sokongan kepada KPLB dalam memartabat dan mengangkat produk-produk yang dihasilkan oleh usahawan luar bandar ke satu tahap yang lebih tinggi. Sokongan tuan-tuan dan puan-puan semua amatlah dihargai.

5. Pada kesempatan ini saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan media yang turut hadir membuat liputan sama ada dari media cetak atau media elektronik. Liputan yang meluas daripada media sangat penting bagi menghebahkan kepada penduduk sekitar dan juga kepada usahawan-usahawan desa yang lain mengenai program dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh KPLB di dalam program ini.

MINI KUD @ PADANG TERAP

Hadirin sekalian,

6. Mini KUD@Padang Terap ini merupakan sesi Mini KUD keempat yang dianjurkan Kementerian pada

tahun ini selepas dilaksanakan di 3 lokasi iaitu;

i) Pontian, Johor (3 – 5 Mac)

ii) Lipis, Pahang (30 Jun – 3 Julai)

iii) Limbang, Sarawak (30 Sep–2 Okt)

7. Mini KUD Padang Terap kali ini mensasarkan seramai 15 ribu pengunjung yang hadir ke tapak karnival sepanjang program berlangsung dengan nilai jualan berjumlah RM200,000. Walau bagaimanapun, **sehingga jam 12.00 tengah hari ini, jumlah pengunjung yang hadir adalah seramai lebih 26 ribu orang pengunjung dengan hasil jualan tunai dan padanan perniagaan yang keseluruhannya bernilai lebih daripada RM450 ribu.**

PENGISIAN PROGRAM MINI KUD@PADANG TERAP

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian

8. Karnival Usahawan Desa (KUD) antara program pemasaran di bawah KPLB untuk memartabatkan produk dan perkhidmatan usahawan luar bandar melalui penyediaan platform bagi mempromosi kemudahan serta insentif yang disediakan oleh sektor awam dan swasta dalam membantu perkembangan perniagaan usahawan luar bandar.
9. Penganjuran Program Mini KUD pada kali ini juga turut meneruskan penampilan *Rural Business Challenge* (RBC) Bistro yang disertai oleh

pemenang-pemenang RBC daripada Negeri Kedah bertujuan mencipta peluang akses pasaran yang lebih meluas, meningkatkan aktiviti jualan, pelebaran jaringan perniagaan seterusnya berupaya mengembangkan perniagaan usahawan luar bandar khususnya usahawan RBC.

Aktiviti Jualan Usahawan :

10. Sebagai fokus utama pelaksanaan Mini KUD, seramai 100 lebih usahawan termasuk penjual masakan panas, penjaja kecil yang menjual pelbagai makanan dan minuman dari pelbagai agensi di bawah KPLB dan usahawan tempatan di bawah kelolaan MDPT telah menyertai program ini.

11. Majoriti usahawan-usahawan luar bandar yang terlibat adalah terdiri daripada kategori makanan dan minuman, diikuti oleh kategori fesyen pakaian wanita, lelaki dan kanak-kanak, kategori kecantikan dan kesihatan, kategori kraftangan dan kategori produk pertanian.

Aktiviti Pameran Agensi:

12. Selain jualan usahawan, KPLB dan agensi juga turut menyediakan pameran dan khidmat nasihat berkaitan keusahawanan. Antaranya adalah seperti:

- (a) Penawaran kemudahan geran
Sokongan Pengukuhan

Keusahawanan Luar Bandar (SPKLB) dan kemudahan pinjaman patuh Syariah di bawah Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED);

- (b) Program *Onboarding* Usahawan, penerangan, pameran dan jualan, pitching dan pendaftaran bagi Program DesaMall@KPLB;
- (c) Penerangan program TVET dari UniKL Malaysian Spanish Institute, GiatMARA dan Kolej KEDA serta Institut Kemahiran MARA (IKM);
- (d) Penerangan dan pendaftaran kemudahan-kemudahan pembiayaan perniagaan, latihan keusahawanan dan lain-lain di

bawah INFRA, MARA, KEMAS, FELCRA dan RISDA serta anak syarikat;

- (e) Sesi *Business Matching* MARA yang akan melibatkan syarikat besar seperti AEON dan MYDIN; dan
- (f) Perkhidmatan GiatMARA kepada pengunjung seperti gunting rambut, penyelenggaraan motorsikal dan basikal dan SPA.

Aktiviti Tarikan Pengunjung :

13. Membawa sedikit kelainan berbanding tiga Mini KUD yang telah dilaksanakan sebelum ini, Mini KUD Padang Terap pada kali ini mengetengahkan

beberapa aktiviti tarikan pengunjung seperti :

- (a) Forum Kongsi Idea Usahawan bersama Usahawan Selebriti;
- (b) Taklimat Usahawan Digital;
- (c) Pertandingan Kambing Baka Pilihan dan Ayam Ratu;
- (d) *Petting Zoo* (Rusa, Arnab dan haiwan-haiwan eksotik);
- (e) Pertandingan Sepak Raga Tuju;
- (f) Pertandingan Muay Thai (Tomoi); dan
- (g) *Fun Run*.

14. Bagi memeriahkan lagi suasana Mini KUD ini, beberapa aktiviti tarikan

pengunjung yang lain turut diadakan seperti Ceramah Perdana, perkampungan mini JAKOA, senamrobik, *Fun Ride*, dan pelbagai pertandingan seperti pertandingan Liga Penalti, pertandingan e-sport, pertandingan mewarna kanak-kanak, serta cabutan kepada pengunjung bertuah yang berpeluang untuk membawa pulang hadiah berupa dua (2) buah motorsikal. Selain itu, turut dibawakan adalah jualan *happy hour* ayam dan beras 5kg yang bernilai RM10 bagi meraikan pengunjung yang hadir.

PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

15. Apa yang saya sebutkan sebentar tadi adalah antara platform yang digunapakai oleh Kementerian bagi pelaksanaan salah satu daripada sepuluh teras yang terkandung dalam Dasar Pembangunan Luar Bandar (DPLB) iaitu Keusahawanan Pemacu Pembangunan Ekonomi.
16. Melalui teras berkenaan, KPLB telah menyusun pelbagai strategi bagi memastikan usahawan di luar bandar mampu bersaing dengan usahawan bandar serta syarikat tempatan yang ada di negara ini. Penganjuran karnival seperti ini adalah bagi menggalakkan penglibatan komuniti luar bandar dalam aktiviti Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

17. Adalah menjadi matlamat Kerajaan untuk memastikan kesemua kawasan luar bandar di Malaysia mencapai aspirasi yang dirumuskan dalam DPLB iaitu wawasan “Luar Bandar Yang Sejahtera, Inklusif, Mampan dan Holistik” menjelang tahun 2030.

18. Saya sering membayangkan penduduk kampung tidak kira di Daerah Padang Terap mahupun di mana-mana kawasan kampung di luar bandar menceburi pelbagai bidang ekonomi yang bukan hanya aktiviti ekonomi tradisional seperti bertani dan menoreh getah atau nelayan kecil bagi yang tinggal di pinggir pantai. Tetapi, keusahawanan menjadi kerjaya pilihan utama dalam bidang ekonomi berimpak

tinggi yang akan menjadi sumber pendapatan berterusan (sustainable) dan seterusnya memberikan manfaat yang lebih meluas kepada penduduk luar bandar.

19. Bagi memastikan pembangunan keusahawanan luar bandar seiring dengan dasar yang telah ditetapkan, InsyaAllah pada tahun 2023 Kementerian diperuntukkan dana bagi memperkasa ekonomi dan usahawan luar bandar berjumlah lebih RM114 juta bagi memastikan perancangan dan strategi bersepadu seperti latihan, sokongan dana dan penyediaan infrastruktur yang kondusif bagi perkembangan usahawan desa dapat disediakan.

KESTABILAN DAN KEMAKMURAN

20. Namun kesemua yang saya sebutkan tadi tidak akan menjadi realiti sekiranya negara tidak ditadbir oleh kerajaan yang stabil. Negara memerlukan kepimpinan yang hebat bagi mengemudi pentadbiran negara dan membawa kembali Malaysia berada di landasan yang sepatutnya.

21. Alhamdulillah, setelah bertukar Perdana Menteri sebanyak tiga kali dalam satu penggal pentadbiran, YAB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob yang kini memegang jawatan sebagai Perdana Menteri telah berjaya menampakkan "ada cahaya terang di hujung terowong" dalam pentadbiran negara.

22. Kerajaan dibawah pimpinan beliau membuat perancangan yang teliti dalam semua perihal. Daripada perancangan yang tersusun itu, negara kini telah bergerak keluar dari fasa pandemik Covid19 kepada endemik.

23. Melalui tindakan yang strategik, kita turut menyaksikan pembukaan semula pintu ekonomi dan aktiviti pelbagai sektor kini kembali rancak untuk rakyat Malaysia bangkit kembali setelah 2 tahun negara berhadapan ancaman Covid-19.

24. Malah dalam tempoh hanya setahun, Kerajaan Keluarga Malaysia juga berjaya kembalikan pasaran buruh ke tahap guna tenaga penuh. Kadar

pengangguran telah menurun untuk 12 bulan berturut-turut, iaitu 3.7 peratus pada Julai 2022, berbanding 4.8 peratus pada Julai 2021.

25. Kerajaan Keluarga Malaysia tidak pernah sesekali memandangi sepi rintihan rakyat. Pelbagai inisiatif dan bantuan telah diberikan bagi memastikan tiada satupun daripada kalangan rakyat terbeban dengan masalah kewangan akibat isu kesihatan dan kejatuhan ekonomi dunia.

26. Begitu juga dengan para usahawan, Kerajaan Keluarga Malaysia telah menyediakan pelbagai bantuan bagi memastikan mereka kembali meneruskan perniagaan masing-masing. Sebagai contoh Program

Semarak Niaga Keluarga Malaysia, ia adalah antara usaha Kerajaan untuk membantu usahawan terutama Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) bangkit semula selepas terjejas akibat Covid-19 sebelum ini.

27. Di peringkat Kementerian ini juga, KPLB turut menyediakan pelbagai jenis bantuan dan sokongan perniagaan kepada para usahawan di bawahnya. Antaranya ialah Program Khas Sokongan Pengukuhan Keusahawanan Luar Bandar (SPKLB) *Re-Start* yang diperuntukkan lebih RM5 juta bagi membantu usahawan luar bandar untuk memulihkan semula perniagaan mereka yang terjejas akibat Covid-19.

HARAPAN

Tuan-tuan dan puan-puan,

28. Seperti penganjuran mini KUD sebelum ini, adalah menjadi harapan saya agar penganjuran Mini KUD ini akan dapat mencapai objektif utamanya iaitu sebagai satu platform kepada usahawan luar bandar khususnya di Padang Terap untuk memasarkan produk dan turut mewujudkan peluang akses pasaran kepada pemborong, pengedar dan pembeli.

29. Selain daripada itu, usahawan luar bandar khususnya akan dapat memanfaatkan kemudahan serta insentif yang disediakan oleh pihak Kerajaan untuk mengembangkan lagi

perniagaan ke pasaran baharu yang lebih luas.

30.Saya juga difahamkan bahawa terdapat usahawan yang akan menerima bantuan berupa geran pada hari ini sekaligus membuktikan bahawa Kerajaan Keluarga Malaysia melalui KPLB sentiasa prihatin dalam usaha membantu untuk memastikan usahawan luar bandar akan terus dapat mengukuhkan perniagaan khususnya yang telah terjejas akibat pandemik Covid-19 yang telah melanda negara bermula pada tahun 2020.

31.Suka juga saya ingatkan kepada usahawan yang ada, kejayaan yang datang hari ini, datang bersama

komitmen yang besar. Kita telah berada di tempoh endemik Covid-19 dan saya harapkan agar para usahawan terus cekal dan memanfaatkan bantuan yang diberikan.

32. Saya percaya kita sentiasa mempunyai peluang dan ruang untuk meningkatkan pencapaian sedia ada ke tahap yang lebih tinggi kerana kita mempunyai kepakaran, potensi dan kemudahan yang sentiasa berkembang. Semoga apa yang diusahakan pada hari ini membuahkan hasil pada masa akan datang. Usahawan yang kita bantu akan terus mengorak langkah menjadi usahawan yang lebih berjaya bukan sahaja di peringkat lokal, tetapi juga dapat berkembang sehingga ke peringkat antarabangsa.

33. Begitu juga para usahawan, jangan mudah kalah dan mengalah, semalam adalah kenangan, hari ini adalah harapan dan besok adalah perjuangan. Manfaatkan bantuan yang diberi agar kita mampu bersaing seiring dengan membangun dan memperkasakan Bumiputera.

PENUTUP

Tuan-tuan dan puan-puan,

34. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin sekali lagi merakamkan penghargaan kepada Kementerian dan agensi-agensi KPLB, Pejabat Daerah dan Tanah Padang Terap dan MDPT serta tidak dilupakan usahawan-

usahawan luar bandar yang menjayakan sesi mini KUD@Padang Terap ini.

35.Ucapan terima kasih khas saya kepada penduduk Padang Terap dan sekitar yang telah berkunjung dan menunjukkan sokongan dengan membeli dan menggunakan produk dan perkhidmatan keluaran usahawan luar bandar, yang sememangnya mempunyai kualiti setanding barangan berjenama di pasaran.

36.Akhir kata, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan suka citanya merasmikan Majlis Penutupan Mini KUD@Padang Terap, Kedah 2022.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh